

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELETRIK DENGAN CURANG



PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

DOCUMENT CONTROL				
VERSION	REGISTRATION NUMBER	REGISTRATION DATE	EFFECTIVE DATE	ISSUANCE/ AMENDMENTS
1	P(E)/ECoS/015/2024	3 rd January 2024	3 rd January 2024	First issuance



PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

P(E)/ECoS/015/2024

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024, *Energy Commission of Sabah* (ECoS) mengeluarkan garis panduan seperti berikut:

Tujuan

1. Garis panduan ini menetapkan tatacara prosedur tuntutan kerugian hasil oleh pemegang lesen bagi kes-kes penggunaan elektrik dengan curang.

Nama dan mula berkuat kuasa

1. Garis Panduan ini boleh disebut sebagai Garis Panduan untuk Tuntutan Kerugian Hasil Oleh Pemegang Lesen.
2. Garis Panduan ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.

Aplikasi

1. Garis Panduan ini terpakai kepada Pemegang Lesen yang telah diberi kuasa melalui Perintah yang disiarkan dalam Warta.

Tarikh : 3 Januari 2024



DATUK Ir. ABDUL NASSER BIN ABDUL WAHID

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ENERGY COMMISSION OF SABAH

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Sumber Undang-undang yang Diguna Pakai	1
1.4 Pemakaian Panduan	1
BAB 2: UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI	2
2.1 Peruntukan Undang-undang	2
2.2 Tindakan Terhadap Kesalahan di Bawah Seksyen 61 Enakmen Bekalan Elektrik 2024	2
2.3 Tindakan Mengikut Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024	2
BAB 3: KUASA KEMASUKAN PREMIS OLEH PEMEGANG LESEN	3
BAB 4: PROSEDUR PELAKSANAAN OPERASI	4
4.1 Memasuki Premis Pengguna	4
4.2 Pemeriksaan dan Pengujian Terhadap Pemasangan dan/atau Meter	4
4.3 Bahan Bukti	5
4.4 Tindakan Pembetulan	6
4.5 Saksi	8
4.6 Laporan Polis	8
4.7 Pemakluman kepada ECoS	9
BAB 5: TUNTUTAN AMAUN KERUGIAN HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG	10
5.1 Peruntukan Undang-undang	10
5.2 Kaedah Tuntutan Kerugian Hasil	10
5.2.1 Kaedah Purata	10
5.2.2 Kaedah Ralat Kejituan	11
5.2.3 Kaedah Beban Kehendak Maksimum (<i>MD</i>)	12
5.2.4 Kaedah Penggunaan Profil Beban (<i>Load Profile</i>)	13
5.3 Tempoh Pengiraan Tuntutan Amaun Kerugian Hasil	15
5.4 Jenis Tuntutan	15
5.5 Pemberitahuan Secara Bertulis kepada Pengguna	16
5.6 Melaporkan Kes kepada ECoS	17
BAB 6: PEMOTONGAN BEKALAN	18
BAB 7: PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT	19
GLOSARI	64

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN

Lampiran 1	Seksyen 61(1), 61(3), 61(9), 71, 73, 74, 78, 72, 83 Enakmen Bekalan Elektrik 2024	20
Lampiran 2	Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024	24
Lampiran 3	Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 2024	26
Lampiran 4	Surat Pemeriksaan Meter Pemegang Lesen	29
Lampiran 5	Langkah-langkah Pemeriksaan & Pengujian Pemasangan Meter	30
Lampiran 6 (a)	SESB: Borang Pemeriksaan & Pengujian Jangka 3 Fasa/1 Fasa (Pegguna Biasa) – <i>Test Set</i>	31
Lampiran 6 (b)	SESB: Borang Pemeriksaan & Pengujian Jangka 3 Fasa/1 Fasa (Pegguna Biasa) – <i>Stop Watch</i>	35
Lampiran 6 (c)	SESB: Borang Pemeriksaan & Pengujian Pemasangan Sistem Perjangkaan Alatubah Arus Voltan Rendah	39
Lampiran 6 (d)	SESB: Borang Pemeriksaan & Pengujian Perjangkaan Voltan Tinggi	45
Lampiran 7	Senarai Semak Gambar yang Perlu Diambil sebagai Bahan Bukti	54
Lampiran 8	Surat Pemberitahuan Pengambilan Bahan-bahan Bukti	55
Lampiran 9	Notis Pemberhentian/Gangguan Sementara Bekalan	56
Lampiran 10	Pemakluman Semakan Meter Elektrik Pemegang Lesen	57
Lampiran 11	Pengiraan Secara Manual	58
Lampiran 12	SESB: Format Notis Tuntutan	59
Lampiran 13	Notis Pemetongan Bekalan Elektrik	61
Lampiran 14	Maklumat Perhubungan ECoS	63

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 1 PENGENALAN

1.1 TUJUAN

1.1.1 Panduan ini adalah bertujuan untuk menerangkan kepada pemegang lesen dan pengguna mengenai prosedur dalam membuat tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan secara terus oleh pemegang lesen bagi kes-kes kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) selaras dengan Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

1.2 LATAR BELAKANG

1.2.1 Usaha-usaha untuk menangani kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 adalah supaya kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan yang dialami oleh pemegang lesen dapat dikurangkan. Ianya perlu dilaksanakan mengikut prosedur yang jelas dan terperinci bagi memastikan tindakan yang diambil dapat dilaksanakan dengan berkesan.

1.2.2 Panduan ini diwujudkan berikutan terdapat banyak isu yang timbul berkaitan tuntutan kerugian hasil dan perbelanjaan oleh pemegang lesen ke atas pengguna.

1.2.3 Panduan ini juga adalah untuk menerangkan:

- i. Peruntukan di bawah Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024 yang membenarkan pemegang lesen untuk membuat tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan terhadap pengguna yang didapati melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024; dan
- ii. Cara pengiraan tuntutan kerugian hasil serta perbelanjaan yang boleh dituntut.

1.3 SUMBER UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI

1.3.1 Enakmen Bekalan Elektrik 2024

1.3.2 Peraturan-Peraturan Elektrik 2024

1.3.3 Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 2024

1.3.4 Kes-kes yang diputuskan di Mahkamah

1.4 PEMAKAIAN PANDUAN

1.4.1 Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh pemegang lesen semasa membuat tuntutan kerugian hasil ke atas kesalahan penggunaan elektrik secara curang.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 2 UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI

2.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Enakmen Bekalan Elektrik 2024 memperuntukkan dua (2) seksyen bagi membolehkan tindakan jenayah dan/atau tindakan sivil diambil terhadap pengguna-pengguna yang didapati menggunakan elektrik secara curang.

2.1.1 Seksyen 61 Enakmen merangkumi jenis kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan tersebut. Selaras dengan Seksyen 88 Enakmen Bekalan Elektrik 2024, ECoS diberi kuasa untuk mengambil tindakan jenayah iaitu menjalankan pendakwaan dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya ke atas kesalahan yang telah dilakukan.

2.1.2 Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024 membenarkan pemegang lesen untuk memotong bekalan elektrik jika pekerjaanya mendapati keterangan yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024. Pemegang lesen juga boleh membuat tuntutan ke atas kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen tersebut dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen termasuk perbelanjaan untuk menyambung semula bekalan elektrik. Sekiranya pengguna yang terlibat itu tidak membayar amaun yang dituntut maka pemegang lesen boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah.

2.2 TINDAKAN TERHADAP KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 61 ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

2.2.1 ECoS mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan jenayah iaitu menjalankan pendakwaan bagi kes-kes di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

2.3 TINDAKAN MENGIKUT SEKSYEN 63 ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

2.3.1 Pemegang lesen dibenarkan untuk membuat tuntutan kerugian hasil dan perbelanjaan terhadap pengguna yang didapati melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

2.3.2 Sesuatu tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan yang boleh dituntut oleh pemegang lesen hendaklah selaras dengan Seksyen 63(6), (7) dan (8) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 seperti di **Lampiran 2**.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 3 KUASA KEMASUKAN PREMIS OLEH PEMEGANG LESEN

3.1 KUASA KEMASUKAN PREMIS OLEH PEMEGANG LESEN

- 3.1.1 Kuasa kemasukan oleh pemegang lesen ke dalam premis bagi tujuan pemeriksaan apa-apa pemasangan adalah di bawah peraturan 8, 9, 10 dan 11 Peraturan Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 2024 (PPBPL). Rujuk **Lampiran 3**.
- 3.1.2 PPBPL ini memperuntukkan kuasa kepada pemegang lesen untuk memasuki mana-mana premis di mana terdapat pemasangan dan kelengkapan pemegang lesen untuk memeriksa, membaiki, menyenggara, mengalih atau mengganti pemasangan atau kelengkapan tersebut.
- 3.1.3 Selaras dengan subperaturan 11(1) PPBPL, pemegang lesen hendaklah menggantikan, atau membayar pampasan bagi, apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh orang itu, atau oleh mana-mana orang yang menyertainya apabila memasuki premis pengguna semasa mengambil apa-apa tindakan yang dibenarkan oleh peraturan-peraturan ini atau semasa menjadikan premis itu selamat.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 4 PROSEDUR PELAKSANAAN OPERASI

4.1 MEMASUKI PREMIS PENGGUNA

- 4.1.1 Kemasukan pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen ke premis pengguna hendaklah dengan menggunakan Kad Kuasa atau apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh pemegang lesen. Pegawai berkenaan boleh membawa masuk bersama-samanya pekerja pemegang lesen dan/atau mana-mana orang yang menyertainya yang ditugaskan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah subperaturan 11(2) PPBPL. Rujuk **Lampiran 3**.
- 4.1.2 Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana premis yang padanya bekalan elektrik sedang diberikan menerusi talian bekalan dan/atau kelengkapan elektrik oleh pemegang lesen bertujuan:
- i. Memeriksa mana-mana talian bekalan atau kelengkapan elektrik yang dipunyai oleh pemegang lesen;
 - ii. Menentukan daftar mana-mana meter elektrik; atau
 - iii. Mengalihkan, memeriksa atau memasang mana-mana meter elektrik atau memasang apa-apa meter gantian.
- 4.1.3 Pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada pengguna/pemilik/wakil premis tujuan pemeriksaan seperti berikut:
- i. Memaklumkan terus sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis hadir; atau
 - ii. Meninggalkan Surat Pemberitahuan Pemeriksaan dan Pengujian terhadap Pemasangan dan/atau Meter Pemegang Lesen di premis pengguna sekiranya pengguna tiada di premis atau enggan bekerjasama (hanya melibatkan kes-kes penggunaan elektrik dengan curang), seperti **Lampiran 4**.
- 4.1.4 Sekiranya terdapat halangan semasa kemasukan ke premis yang didapati mempunyai unsur ancaman atau kekerasan dari pengguna/pemilik/wakil premis, pemegang lesen disarankan untuk memberhentikan pemeriksaan dan membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

4.2 PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN TERHADAP PEPASANGAN DAN/ATAU METER

- 4.2.1 Semasa pemeriksaan dan ujian dijalankan oleh pekerja pemegang lesen, pengguna/pemilik/wakil premis hendaklah hadir bersama. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu di mana pemasangan dan/atau meter ditempatkan di tempat-tempat awam seperti laluan kaki lima (*five foot main*), bilik salur penaik elektrik (*electrical riser room*), tiang lampu, pemasangan meter yang boleh diakses, dan sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis tiada, tidak berpenghuni atau enggan memberi kerjasama dan seumpamanya, pemegang lesen boleh meneruskan pemeriksaan tanpa kehadiran mereka.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

- 4.2.2 Pekerja pemegang lesen hendaklah mematuhi senarai semak, seperti di **Lampiran 5** semasa hendak menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas pemasangan dan/atau meter.
- 4.2.3 Hasil pemeriksaan dan ujian pada perenggan 4.2.2 hendaklah diisi di dalam borang pemeriksaan dan pengujian yang disediakan dengan lengkap dan ditandatangani oleh Juruteknik/Eksekutif Teknikal/Jurutera bertugas. Rujuk **Lampiran 6(a) – 6(d)**. Sekiranya operasi melibatkan ECoS; borang pemeriksaan dan pengujian hendaklah diserahkan kepada ECoS sejurus selepas operasi selesai.
- 4.2.4 Hasil pemeriksaan dan ujian hendaklah dimaklumkan secara lisan kepada pengguna/pemilik/wakil dengan serta-merta selepas pemeriksaan dan ujian dijalankan sekiranya pengguna/pemilik/wakil hadir di premis. Walau bagaimanapun, jika pengguna/pemilik/wakil tidak hadir, mereka boleh menghubungi pihak pemegang lesen untuk mendapatkan hasil pemeriksaan dan ujian tersebut.

4.3 BAHAN BUKTI

- 4.3.1 Semua bahan bukti atau kejanggalan (*anomalies*) yang dijumpai pada pemasangan dan/atau meter hendaklah diambil gambarnya dengan jelas dan terang seperti senarai semak di **Lampiran 7**.
- 4.3.2 Dalam kes di mana pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen mengambil bahan bukti di bawah Seksyen 63 Enakmen Bekalan Elektrik 2024, pegawai tersebut hendaklah mengeluarkan Surat Pemberitahuan Pengambilan Bahan-Bahan Bukti, seperti di **Lampiran 8** kepada pengguna/pemilik/wakil premis dan perlu diterangkan serta ditandatangani oleh saksi. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu di mana pengguna/pemilik/wakil premis tiada atau enggan memberi kerjasama dan seumpamanya, surat pemegang lesen seperti di atas hendaklah ditampalkan/ditinggalkan di premis pengguna.
- 4.3.3 Bagi menjamin keselamatan ke atas bahan bukti yang diambil, ianya hendaklah ditanda dan disimpan dengan selamat bagi memastikan tidak diusik atau hilang.
- 4.3.4 Bahan bukti seperti dokumen, laporan, negatif filem, peranti media storan seperti kad memori, *CD*, *DVD* dan sebagainya, gambar-gambar serta barang kes seperti *seal-bit*, *wayar by-pass* dan bahan asing yang lain hendaklah disimpan dalam tempat simpanan khas yang hanya boleh diakses oleh pekerja pemegang lesen yang ditugaskan untuk menyimpan barangan tersebut.
- 4.3.5 Setiap pergerakan bahan bukti (pengeluaran/penerimaan) hendaklah direkodkan dalam buku pendaftaran dan disimpan oleh pekerja pemegang lesen yang berkenaan atau pihak yang dilantik oleh pemegang lesen.
- 4.3.6 Sekiranya pegawai diberi kuasa oleh pemegang lesen telah mengambil bahan bukti, laporan polis hendaklah dibuat dengan segera dan proses pengendalian kes penggunaan elektrik dengan curang hendaklah diteruskan (**Rujuk perenggan 4.6.1 sehingga 4.6.3**).

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

- 4.3.7 Bagi kejanggalan dalam meter yang belum dikenal pasti, meter yang terlibat bolehlah dihantar kepada pihak pengilang atau SIRIM atau makmal yang telah diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (*DSM*) untuk pengujian bagi pengesahan lanjut. Kemudian meter tersebut hendaklah disimpan oleh pemegang lesen sehingga kes selesai.
- 4.3.8 Sekiranya bahan bukti secara fizikal tidak dapat diperolehi (sama ada dirampas/dihalang oleh pengguna/penduduk/pemunya) pemegang lesen hendaklah membuktikan bahawa meter tidak merekodkan unit penggunaan yang sebenar. Bahan bukti sokongan seperti Penggunaan Profil Beban (*Load Profile*), rakaman litar tertutup, penggunaan teknologi terkini atau gambar-gambar pengujian kejitaan meter boleh digunakan.
- 4.3.9 Jika operasi dijalankan bersama ECoS di bawah Seksyen 61 Enakmen Bekalan Elektrik 2024 dan sekiranya ada rampasan, Notis Rampasan hanya akan dikeluarkan oleh ECoS sahaja. Satu salinan notis rampasan tersebut akan diserahkan kepada pemegang lesen.

4.4 TINDAKAN PEMBETULAN

Apabila sesuatu kejanggalan ditemui semasa pemeriksaan dijalankan, pihak pemegang lesen mempunyai pilihan seperti berikut:

1. **PEMBETULAN TANPA PEMOTONGAN** - Sekiranya pemegang lesen membuat pembetulan serta-merta pada hari kejanggalan ditemui, pemegang lesen tidak lagi boleh membuat pemotongan bekalan elektrik kerana aktiviti gangguan/pengusikan ke atas pemasangan meter SESB telah dihentikan.
2. **PEMBETULAN DENGAN PEMOTONGAN** - Sekiranya pihak pemegang lesen memilih untuk tidak membuat pembetulan serta-merta, pihak pemegang lesen perlu merekodkan segala bukti-bukti pengusikan termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar-gambar dan borang pemeriksaan. Tindakan pembetulan boleh dilakukan selepas tindakan pemotongan bekalan elektrik dilakukan.

Terdapat dua (2) jenis tindakan pembetulan iaitu:

- 4.4.1 Sekiranya kerosakan selain daripada meter yang disebabkan oleh pengusikan ke atas pemasangan, contohnya pendawaian, alatubah arus, *test terminal block (TTB)* dan seumpamanya, maka tindakan pembetulan boleh dibuat dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:
- i. Ambil gambar kejanggalan yang belum diperbetulkan;
 - ii. Ujian sebelum dan selepas pembetulan dijalankan hendaklah direkodkan;
 - iii. Selepas pemasangan diperbetulkan, gambar hendaklah diambil sekali lagi bagi menunjukkan pembetulan telah dibuat;

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

- iv. Mengambil bahan bukti yang digunakan dalam pengusikan ke atas pemasangan. Selain itu, bagi kes di mana pemeriksaan dilakukan bersama-sama pihak ECoS, meter juga perlu diambil sebagai bahan bukti untuk membuktikan bahawa ianya boleh merekodkan penggunaan elektrik sebenar sekiranya pengusikan tidak dilakukan;
 - v. Pegawai diberi kuasa oleh pemegang lesen hendaklah menerangkan kepada pengguna/pemilik/wakil premis mengenai kejanggalan yang berlaku dan tindakan pembetulan yang telah dibuat; dan
 - vi. Sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis enggan menerima surat pemberitahuan pengambilan bahan bukti, maka memadam surat tersebut ditinggalkan/ditampalkan di ruang yang senang dilihat.
- 4.4.2 Sekiranya kerosakan pada meter akibat pengusikan, seperti ceper bergeser, *by-pass* di dalam meter, wayar atau *link* dibuka atau dipotong di dalam meter dan seumpamanya, maka tindakan pembetulan boleh dibuat dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:
- i. Sebelum meter ditukar, ujian-ujian perlu dijalankan dan gambar hendaklah diambil dan direkodkan;
 - ii. Selepas meter baharu dipasang, ujian-ujian perlu dijalankan dan gambar juga perlu diambil bertujuan untuk membuat perbandingan;
 - iii. Lengkapkan surat pemberitahuan pengambilan barang-barang bukti dalam dua (2) salinan. Salinan asal surat tersebut hendaklah diserahkan kepada pengguna atau wakilnya sebagai bukti pengambilan bahan bukti oleh pihak pemegang lesen. Contoh surat pemberitahuan pengambilan bahan-bahan bukti seperti di **Lampiran 8**; dan
 - iv. Sekiranya pengguna/pemilik/wakil enggan menerima surat pemberitahuan pengambilan bahan bukti, maka surat tersebut hendaklah ditinggalkan/ditampalkan di ruang yang senang dilihat.
- 4.4.3 Dalam kedua-dua keadaan di atas, sekiranya bekalan perlu dihentikan bagi melaksanakan tindakan pembetulan, maka pemegang lesen hendaklah mematuhi tatacara berikut:
- i. Mendapatkan persetujuan atau kebenaran serta-merta daripada pengguna/pemilik/wakil premis bagi memberhentikan sementara bekalan dengan melengkapkan borang seperti di **Lampiran 4**; atau
 - ii. Sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis tidak bersetuju, maka Notis Pemberhentian/Gangguan Sementara Bekalan hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera seperti yang dikehendaki dalam subperaturan 7(2), PPBPL 2024 dengan menggunakan Borang B seperti di **Lampiran 9**. Walau bagaimanapun, pemberhentian/gangguan sementara bekalan hanya boleh dilakukan 48 jam selepas notis diserahkan.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

4.5 SAKSI

- 4.5.1 Bagi mengelak tuduhan ketidakadilan serta menjamin ketelusan, setiap pemeriksaan yang dijalankan oleh pemegang lesen hendaklah disaksikan oleh pengguna/pemilik/wakil premis. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu di mana pemasangan meter ditempatkan di tempat-tempat awam, seperti laluan kaki lima (*five foot main*), bilik salur penaik elektrik (*electrical riser room*), tiang lampu, pemasangan meter yang boleh diakses, dan sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis tidak hadir, tidak berpenghuni atau enggan memberi kerjasama dan seumpamanya, pemegang lesen boleh meneruskan pemeriksaan tanpa kehadiran mereka.
- 4.5.2 Bagi memastikan tindakan di atas mematuhi peruntukan undang-undang serta prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, pemeriksaan sebelum, semasa dan selepas termasuk ujian-ujian yang dijalankan, pembetulan dan penggantian apa-apa pemasangan hendaklah diambil gambarnya dan disimpan sebagai rekod.
- 4.5.3 Sebarang kejanggalan yang ditemui perlulah diterangkan serta Surat Pemakluman Semakan Meter Elektrik pemegang lesen hendaklah diserahkan kepada saksi seperti di **Lampiran 10**.
- 4.5.4 Semua hasil ujian hendaklah dicatat di dalam Borang Pemeriksaan & Pengujian Pemasangan Meter seperti di **Lampiran 6(a) – 6(d)** yang mana berkaitan dan perlu dimaklumkan serta ditandatangani oleh saksi (pengguna/pemilik/wakil).
- 4.5.5 Sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis enggan menandatangani dokumen/borang berkaitan adalah memadai dengan mencatat perkataan “Saksi Enggan Menandatangani” pada dokumen tersebut.
- 4.5.6 Sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis enggan menerima Surat Pemakluman Semakan Meter Elektrik pemegang lesen seperti di **Lampiran 10**, adalah memadai dengan menampal/meninggalkan borang-borang berkaitan di tempat yang mudah dilihat. Segala tindakan penyerahan yang telah diambil perlu direkodkan pada borang asal/salinan tersebut.
- 4.5.7 Bagi premis-premis yang mempunyai meter berpusat seperti di kondominium atau sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis tiada di premis sewaktu pemeriksaan, salinan Surat Pemakluman Semakan Meter Elektrik serta borang-borang berkaitan hendaklah ditampalkan/ ditinggalkan di peti surat atau di pintu rumah pengguna.

4.6 LAPORAN POLIS

- 4.6.1 Laporan polis perlu dibuat bagi setiap kes kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 dan hendaklah dibuat dalam tempoh yang munasabah selepas tamat sesuatu operasi.
- 4.6.2 Laporan yang dibuat adalah sebagai dokumen sokongan untuk tindakan perundangan seterusnya oleh pemegang lesen. Sekiranya terdapat beberapa kes yang dijumpai pada hari yang sama, maka satu laporan polis boleh merangkumi kesemua kes tersebut dengan syarat pemeriksaan dilakukan oleh pasukan pemegang lesen yang sama dan dilakukan pada hari yang sama.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

4.6.3 Kandungan laporan polis hendaklah ringkas, tepat dan dibuat dalam dua (2) salinan. Satu salinan laporan hendaklah diserahkan kepada pihak polis dan satu salinan akan disimpan oleh pemegang lesen. Laporan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- i. Tarikh dan masa kejadian;
- ii. Alamat premis;
- iii. Nama anggota-anggota operasi;
- iv. Nama pengguna, wakil atau penghuni premis (jika perlu);
- v. Kesalahan yang disyaki dilakukan; dan
- vi. Tandatangan pembuat aduan.

4.6.4 Sekiranya operasi diketuai oleh ECoS/Agensi-Agensi Penguatkuasaan Kerajaan, pemegang lesen tidak perlu membuat laporan polis kerana ianya akan dibuat oleh ECoS/Agensi-Agensi Penguatkuasaan Kerajaan.

4.7 PEMAKLUMAN KEPADA ECOS

4.7.1 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan ECoS/ berhubung penemuan kes dalam masa tiga (3) hari bekerja dari tarikh pemeriksaan selaras dengan peruntukan Subseksyen 63(1) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 5 TUNTUTAN AMAUN KERUGIAN HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

5.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 5.1.1 Pemegang lesen hendaklah mematuhi peruntukan Subseksyen 63(6) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 di mana sekiranya tempoh tuntutan kerugian hasil dibuat melebihi enam (6) bulan kebelakang dari tarikh dapatan kesalahan, tuntutan hendaklah dibuat melalui proses Mahkamah.
- 5.1.2 Semua tuntutan kerugian hasil dan apa-apa perbelanjaan daripada pengguna berdaftar atau pemilik yang dibuat di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 hendaklah mematuhi peruntukan Subseksyen 63(7) Enakmen yang sama.
- 5.1.3 Untuk membolehkan tuntutan kerugian hasil dibuat, Prosedur Pelaksanaan Operasi yang telah digariskan di dalam Bab 4 di atas hendaklah dijadikan sebagai panduan oleh pemegang lesen.

5.2 KAEDAH TUNTUTAN KERUGIAN HASIL

Apabila terdapat bukti-bukti bahawa suatu kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 telah dilakukan, pemegang lesen boleh menuntut kerugian hasil serta apa-apa perbelanjaan yang dilakukan termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula bekalan elektrik.

Berikut adalah beberapa kaedah pengiraan tuntutan kerugian hasil yang boleh diguna pakai mengikut kesesuaian kes.

5.2.1 Kaedah Purata

- i. Kaedah tuntutan amaun kerugian hasil boleh dibuat dengan menggunakan kaedah purata sebelum atau selepas kes ditemui. Pengiraan bagi kaedah purata adalah seperti berikut:
 - a) Mengambil penggunaan purata tiga (3) bulan bil elektrik berturut-turut sebelum penurunan mendadak (*sudden drop*) dikenal pasti; atau
 - b) Sekiranya perenggan (a) tidak dapat dilaksanakan, pengiraan boleh dilakukan dengan mengambil penggunaan purata tiga (3) bulan atau sekurang-kurangnya satu (1) minggu penggunaan selepas tindakan pembetulan dilakukan bagi mana-mana penggunaan yang tinggi selepas kes penggunaan elektrik secara curang ditemui.
- ii. Selepas pilihan dibuat pada perenggan (i) di atas, maka kaedah pengiraan seperti di bawah hendaklah digunakan:
 - a) Dapatkan jumlah bilangan hari penggunaan bagi tempoh yang diambil kira.
 - b) Dapatkan purata penggunaan sehari dengan mengira:

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

Purata kWj Sehari = Jumlah Unit Penggunaan Tiga (3) Bulan Bilangan Hari Penggunaan

$$\text{Purata kWj Sehari} = \frac{\text{Jumlah Unit Penggunaan Tiga (3) Bulan}}{\text{Bilangan Hari Penggunaan}}$$

- a. Pengiraan pengebilan ke belakang boleh dibuat dengan menggunakan formula seperti di bawah:

$$\text{Jumlah kWj Sebenar} = \text{Purata kWj Sehari} \times \text{Bilangan Hari}^*$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah kWj Terkurang Dibil} \\ = \text{Jumlah kWj Sebenar} - \text{Jumlah kWj yang Telah Dibilkan} \\ \text{untuk Tempoh Bilangan Hari}^* \end{aligned}$$

**Bilangan hari dikira daripada tarikh penurunan mendadak (sudden drop) sehingga tarikh pembetulan*

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Ringgit Malaysia (RM) Terkurang Dibil} \\ = \text{Jumlah kWj Terkurang Dibil} \times \text{Kadar Tarif pada Tempoh} \\ \text{Kerugian Hasil} \end{aligned}$$

Nota: Pengiraan bil ini tertakluk kepada perubahan semasa tarif elektrik, semakan Imbalance Cost Pass-Through (ICPT), Caj Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) dan juga Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)/Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

5.2.2 Kaedah Ralat Kejituan

- i. Jika tiada *sudden drop* dan ralat kejituan meter diperolehi semasa pengujian kejituan meter dijalankan, maka pengiraan boleh dibuat berdasarkan kepada purata ralat kejituan meter. Peratusan ralat menunjukkan meter tidak merekodkan bacaan penggunaan elektrik sebenar.
- ii. Bagi memastikan tuntutan kerugian hasil menggunakan kaedah ini, pemegang lesen hendaklah memastikan alat pengujian yang digunakan telah ditentukan dan memiliki sijil ujian terkini yang sah tempoh oleh pihak SIRIM atau makmal yang telah diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia (*DSM*).
- iii. Walau bagaimanapun, ralat kejituan meter yang diperolehi perlu ditolak dengan ralat maksimum yang dibenarkan, iaitu sebanyak **3.00%**.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

(Sebagai contoh, jika ralat meter didapati -66.00%, tuntutan kerugian hasil hanya boleh dibuat sebanyak -63.00% sahaja)

- iv. Bacaan ralat kejitian meter hendaklah diambil sebanyak tiga (3) kali. Ralat kejitian meter ditentukan berdasarkan kepada purata ketiga-tiga bacaan tersebut. Sekiranya ralat kejitian meter tidak dapat diperolehi menggunakan set pengujian meter, pengiraan secara manual hendaklah dilakukan berdasarkan kaedah pengiraan seperti di **Lampiran 11**. Kaedah pengiraan secara manual hendaklah disahkan oleh Jurutera/Eksekutif Teknikal yang bertanggungjawab.
- v. Kaedah pengiraan adalah seperti di bawah:
- a) Kira jumlah unit (kWj) sebenar, unit terkurang dibil dan jumlah terkurang dibil (RM) dengan menggunakan cara-cara berikut:

a)
$$\text{Jumlah Sebenar kWj} = \frac{\text{Jumlah kWj yang telah Dibil}^*}{100\% - \text{Peratusan Ralat}^{**}}$$

* Rujuk kepada **perkara 5.3**

**[Peratusan ralat kejitian meter semasa pemeriksaan] – [ralat maksimum yang dibenarkan iaitu sebanyak 3.00%].

Rujuk kepada contoh pengiraan dalam **5.2.2 (iii)**

b)
$$\begin{aligned} \text{Jumlah kWj Terkurang Dibil} \\ = \text{Jumlah Sebenar kWj} - \text{Jumlah kWj telah Dibil}^* \end{aligned}$$

c)
$$\begin{aligned} \text{Jumlah Terkurang Dibil (RM)} \\ = \text{Jumlah kWj Terkurang Dibil} \times \text{Kadar Tarif pada Tempoh} \\ \text{Kerugian Hasil} \end{aligned}$$

5.2.3 Kaedah Beban Kehendak Maksimum (MD)

- i. Sekiranya bekalan diambil dengan membuat sambungan secara terus tanpa melalui meter atau pengujian kejitian meter tidak dapat dilaksanakan, pengiraan kehilangan unit boleh dibuat dengan menggunakan beban kehendak maksimum yang hendaklah dirujuk dengan menggunakan beban terpasang semasa permohonan bekalan elektrik dibuat oleh pengguna atau beban yang digunakan di premis semasa pemeriksaan dan pengujian meter dijalankan.

**PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG**

- ii. Kaedah pengiraan adalah seperti berikut:

Beban Kehendak Maksima (MD) = [Voltan (V) x Jumlah Arus (I) x Faktor Kuasa (pf)] ÷ 1,000							
Penggunaan Sebenar Sebulan = MD x Faktor Beban* x 720 jam							
Jadual Faktor Beban							
KATEGORI PENGGUNA	FAKTOR BEBAN						
Domestik	0.35*						
Komersil	0.44*						
Industri	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; padding: 2px;">Satu Giliran Kerja (syif)</td> <td style="width: 50%; text-align: center; padding: 2px;">0.15 – 0.25</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Dua Giliran Kerja (syif)</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">0.40 – 0.60</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tiga Giliran Kerja (syif)</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">0.60 – 0.95</td> </tr> </table>	Satu Giliran Kerja (syif)	0.15 – 0.25	Dua Giliran Kerja (syif)	0.40 – 0.60	Tiga Giliran Kerja (syif)	0.60 – 0.95
Satu Giliran Kerja (syif)	0.15 – 0.25						
Dua Giliran Kerja (syif)	0.40 – 0.60						
Tiga Giliran Kerja (syif)	0.60 – 0.95						
Pertanian	0.44						
Lampu Jalan	0.44						
Perlombongan	0.44						
* Sumber: <i>Development of End User Load Model for Distribution Planning by TNBR</i>							
<i>Nota: Bagi kes penggunaan elektrik secara curang melibatkan aktiviti perlombongan matawang digital, nilai faktor beban untuk pengiraan kerugian hasil adalah 0.95. Sekiranya terdapat perkongsian beban, pengiraan hendaklah dikira secara berasingan mengikut nilai faktor beban kategori pengguna seperti di jadual faktor beban.</i>							

Kehilangan Unit (kWj)
= [Penggunaan Sebenar Bulanan] – [kWj Penggunaan Kadar Bulan yang Dibilkan]

Kehilangan Hasil (RM) Bulan Berkenaan
= Kehilangan Unit x Kadar Tarif pada Tempoh Kerugian Hasil

Gunakan formula yang sama bagi bulan seterusnya.

5.2.4 Kaedah Penggunaan Profil Beban (Load Profile)

- i. Kaedah ini hanya untuk pengguna yang menggunakan meter yang mempunyai data profil beban sahaja.
- ii. Kaedah pengiraan adalah seperti berikut:
 - a) Mendapatkan profil beban sebelum tarikh kes ditemui;
 - b) Menyediakan graf hasil daripada profil beban yang diperolehi; dan
 - c) Membuat analisis graf untuk mengenal pasti masa profil beban yang tinggi (tempoh penggunaan elektrik sebenar) dan masa profil beban yang rendah (tempoh penggunaan elektrik secara curang).

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

iii. Formula Kehilangan Unit:

$$\text{Kehilangan Unit (kWj)} \\ = \text{Unit Penggunaan Sebulan Sebenar Selepas Pembedulan} - \text{Unit} \\ \text{Penggunaan Sebulan Sebenar Yang Asal Dengan Kejanggalan}$$

Di mana;

- a) Unit Penggunaan Sebenar Sebulan Selepas Pembedulan = Jumlah Profil kW Sebenar yang Asal x Faktor Pembedulan (bagi setiap tempoh profil kW yang curang) untuk setiap 30 minit sepanjang bulan x 0.5.
- b) Unit Penggunaan Sebenar Sebulan yang Asal dengan Kejanggalan = Jumlah Profil kW Asal yang Direkodkan Sepanjang Bulan (profil baik dan profil curang) x 0.5.

iv. Formula Kehilangan kW MD:

$$= \text{kW MD Bulanan Sebenar Selepas Pembedulan} - \text{kW MD} \\ \text{Bulanan Yang Asal Dengan Kejanggalan}$$

Di mana;

- a) kW MD Bulanan Sebenar Selepas Pembedulan = Maksimum Tertinggi Antara Semua Profil 30 Minit kW Sebenar Selepas Pembedulan dan kW Asal untuk Sebulan
- b) kW Sebenar Selepas Pembedulan = kW Asal untuk Setiap 30 Minit Untuk Tempoh Kejanggalan x Faktor Pembedulan

v. Formula Kehilangan Hasil (RM):

$$\text{Kehilangan Hasil (RM) Bulan Berkenaan} \\ = \text{Kehilangan Unit (kWj)} \times \text{Kadar Tarif (unit) pada Tempoh} \\ \text{kerugian Hasil} + \text{Kehilangan MD (kW)} \times \text{Kadar Tarif (MD) pada} \\ \text{Tempoh Kehilangan Hasil}$$

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

5.3 TEMPOH PENGIRAAN TUNTUTAN AMAUN KERUGIAN HASIL

Amaun kerugian hasil hendaklah dikira dari tarikh kejanggalaan ditemui ke belakang dan tidak melebihi lima (5) tahun bagi kes berhubung dengan kes-kes penggunaan elektrik dengan curang di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

- 5.3.1 Bagi kes yang terdapat *sudden drop*, tempoh kiraan kehilangan unit bermula dari *sudden drop* sehinggalah ke tarikh tindakan pembetulan dibuat. Walau bagaimanapun, pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- i. Tempoh *sudden drop* hendaklah berterusan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan berturut-turut; dan
 - ii. Bagi pengguna yang mempunyai kemudahan profil beban (*load profile*), kiraan kehilangan unit bermula dari tempoh *sudden drop* mengikut profil beban yang dikenal pasti berlaku penggunaan elektrik secara curang.
- 5.3.2 Bagi kes yang tiada *sudden drop*, kiraan tempoh kehilangan unit dikira daripada tarikh kesalahan ditemui ke belakang tidak melebihi lima (5) tahun.
- 5.3.3 Pemegang lesen juga boleh mengambil kira dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pengguna seperti bil air, perjanjian sewaan, perjanjian sewa beli dan sebagainya untuk dijadikan asas pengiraan tuntutan kehilangan unit bermula.
- 5.3.4 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada pengguna mengenai kaedah pengiraan tuntutan serta tempoh yang terlibat dan sekiranya perlu, mengadakan rundingan dengan pengguna mengenai tuntutan sebelum pernyataan bertulis dikeluarkan.
- 5.3.5 Sekiranya pengguna membuat aduan terhadap tuntutan yang dibuat oleh pemegang lesen, ECoS akan menjalankan siasatan dan boleh membuat keputusan sewajarnya.

5.4 JENIS TUNTUTAN

- 5.4.1 Selaras dengan peruntukan Subseksyen 63(6) Enakmen Bekalan Elektrik 2024, pemegang lesen dibenarkan membuat tuntutan apa-apa kerugian hasil dan perbelanjaan.

Bagi kos operasi pemegang lesen adalah dibenarkan untuk menuntut sebanyak Dua Ratus Ringgit (RM200.00) bagi Pengguna Kuasa Biasa (*OPC*) dan Lima Ratus Ringgit (RM500.00) bagi Pengguna Kuasa Besar (*LPC*).

Pemegang lesen juga dibenarkan untuk menuntut kos penggantian pemasangan elektrik yang telah diusik termasuk meter elektrik, *Test Terminal Block (TTB)*, *Current Transformer (CT)*, *Potential Transformer (PT)*, pendawaian atau apa-apa kelengkapan yang berkaitan serta kos-kos pengujian dan/atau pemeriksaan oleh pihak ketiga (jika perlu).

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

5.4.2 Walau bagaimanapun, pemegang lesen **TIDAK BOLEH** menuntut kos-kos berikut:-

i. Gaji dan Elaun

Tugas yang dijalankan adalah merupakan sebahagian daripada tanggungjawab pemegang lesen. Kos-kos berkaitan dengan gaji dan elaun telah diambil kira semasa penyemakan tarif yang diluluskan.

ii. Kos Pengangkutan

Tuntutan perbatuan (*mileage*) bagi kenderaan persendirian kakitangan mahupun syarikat juga tidak boleh dimasukkan kerana merupakan tanggungjawab pemegang lesen.

5.5 PEMBERITAHUAN SECARA BERTULIS KEPADA PENGGUNA

5.5.1 Notis Tuntutan (*Letter of Demand*) adalah satu pernyataan bertulis yang mengandungi amaun tuntutan apa-apa kerugian hasil dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pemegang lesen kepada pengguna yang didapati melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

5.5.2 Pengeluaran Notis Tuntutan adalah selaras dengan peruntukan Subseksyen 63(7) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 dan hendaklah disediakan oleh pekerja pemegang lesen dan notis tersebut hendaklah diperakui dengan sepenuhnya oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen, yang menyatakan-

- i. Amaun kerugian hasil atau perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen serta cara pengiraannya;
- ii. Cara pengiraan kerugian hasil dan butiran perbelanjaan; dan
- iii. Orang yang bertanggung bagi pembayarannya.

5.5.3 Sekiranya berlaku pemotongan bekalan elektrik: Notis Tuntutan tersebut hendaklah diserahkan kepada pengguna/pemilik/wakil premis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pemotongan dilakukan seperti yang ditetapkan di bawah Subseksyen 63(7) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

5.5.4 Dalam keadaan seperti perenggan 5.5.3 di atas, Notis Tuntutan tersebut masih dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pembayaran yang perlu dibuat oleh pengguna. Sekiranya Notis Tuntutan tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh tersebut, pemegang lesen perlu mendapat kelulusan daripada pihak ECoS untuk tempoh lanjutan pengeluaran Notis Tuntutan.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

- 5.5.5 Notis Tuntutan hendaklah diserahkan secara serahan tangan kepada pengguna/pemilik/wakil premis atau melalui pos berdaftar kepada alamat yang didaftarkan dengan pemegang lesen.
- 5.5.6 Penyerahan kepada pengguna/pemilik/wakil premis hendaklah ditandatangani oleh pengguna/pemilik/wakil premis. Sekiranya pengguna/pemilik/wakil premis enggan menandatangani, Notis Tuntutan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti surat atau ditampal di tempat yang mudah dilihat di premis tersebut. Tindakan yang diambil juga hendaklah direkodkan.
- 5.5.7 Notis Tuntutan hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti di bawah:-
- i. Nama dan alamat pengguna yang berdaftar dengan pemegang lesen;
 - ii. Nombor akaun berdaftar dengan pemegang lesen (sekiranya ada);
 - iii. Jumlah tuntutan termasuk butiran kerugian hasil dan perbelanjaan serta kaedah pengiraan; dan
 - iv. Kesalahan yang dilakukan.

Format Notis Tuntutan adalah seperti di **Lampiran 12**.

- 5.5.8 Apa-apa amaun tuntutan kerugian hasil dan perbelanjaan yang dituntut berpunca daripada kes penggunaan elektrik dengan curang **tidak boleh** dimasukkan di dalam bil bulanan pengguna.
- 5.5.9 Apa-apa amaun yang dituntut dalam Notis Tuntutan hendaklah dibayar dalam tempoh yang dinyatakan di dalamnya, dan jika tidak dibayar, amaun itu boleh dituntut melalui tindakan sivil di mahkamah.

5.6 MELAPORKAN KES KEPADA ECoS

Sebarang kes yang melibatkan tuntutan kerugian hasil dan perbelanjaan berhubung penggunaan elektrik dengan curang yang dibuat oleh pemegang lesen terhadap pengguna hendaklah dilaporkan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh ECoS.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 6 PEMOTONGAN BEKALAN

- 6.1 Merujuk kepada perkara 4.4 (2), jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapati keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Subseksyen 61(1), (3) atau (9) Enakmen Bekalan Elektrik 2024, pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya olehnya hendaklah memberi Notis Pemotongan dengan serta-merta pada tarikh pemeriksaan/penemuan kes seperti di **Lampiran 13**.
- 6.2 Tindakan pemotongan bekalan elektrik yang dilakukan di bawah Subseksyen 63(1) Enakmen Bekalan Elektrik 2024, hanya boleh dibuat selepas empat puluh lapan (48) jam dan tidak melebihi daripada tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh Notis Pemotongan diberikan.
- 6.3 Jika pemegang lesen telah memotong bekalan elektrik di bawah perenggan 6.1, pemegang lesen hendaklah mempunyai suatu obligasi untuk menyambungkan semula bekalan elektrik. Dengan syarat tempoh pemotongan tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh pemotongan dilakukan.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

BAB 7 PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Dokumen ini adalah hakmilik Suruhanjaya Tenaga Sabah. Suruhanjaya Tenaga Sabah berhak meminda dan mengubahkan dari semasa ke semasa atau membatalkan penggunaannya.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 1

SEKSYEN 61(1), 61(3), 61(9), 71, 72, 73, 74, 78 dan 83 ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

SUBSEKSYEN 61 (1)

Mana-mana orang yang mengganggu atau melaraskan apa-apa pemasangan atau bahagiannya atau mengilang atau mengimport atau menjual apa-apa kelengkapan sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau anggota badan manusia atau kerosakan pada mana-mana kelengkapan atau harta lain melakukan suatu kesalahan dan bagi setiap kesalahan sedemikian, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

SUBSEKSYEN 61 (3)

Mana-mana orang yang mengikut apa-apa cara dengan curang-

- (a) Mengambil elektrik;
- (b) Mengguna habis elektrik;
- (c) Menggunakan elektrik;
- (d) Mengubah pinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan atau mana-mana pemasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik; atau
- (e) Menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sepenuhnya keluaran atau penggunahabisan elektrik,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan –

- (i) dalam hal pengguna domestik, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (ii) dalam hal pengguna bukan domestik, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

SUBSEKSYEN 61 (9)

Mana-mana orang yang merosakkan atau mengalihkan apa-apa meter atau alat lain yang digunakan atas atau berkaitan dengan mana-mana pemasangan berlesen bagi merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

SEKSYEN 71

Kuasa untuk masuk, memeriksa dan meneliti

Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, bagi maksud menunaikan mana-mana kewajipannya atau menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, atau selainnya bagi maksud Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan, masuk pada bila-bila masa yang munasabah ke mana-mana premis dengan atau tanpa bekalan elektrik untuk memeriksa dan meneliti mana-mana bahagian suatu pemasangan atau kelengkapan, atau untuk sebab sepatutnya yang lain.

SEKSYEN 72

Kuasa Penyiasatan

- (1) Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.
- (2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, berhubung dengan penyiasatan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, menjalankan kuasa khas yang berhubung dengan penyiasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] bagi mana-mana kesalahan boleh tangkap.

SEKSYEN 73

Menggeledah dan menyita dengan waran

- (1) Jika didapati oleh Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis, apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya telah digunakan atau hendak digunakan bagi, atau terdapat di dalam mana-mana premis, keterangan yang diperlukan untuk membuktikan, pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang kepadanya waran itu diarahkan, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan —
 - a) untuk memasuki mana-mana premis dan menggeledah, menyita dan menahan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya;
 - b) untuk memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa artikel, buku, rekod, akaun atau dokumen lain yang disita dan ditahan sedemikian;
 - c) mengambil milikan, dan mengalihkan dari premis itu, apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita sedemikian dan menahannya selama apa-apa tempoh yang diperlukan; atau
 - d) memeriksa mana-mana orang yang ada di dalam, atau di premis itu, dan bagi maksud penggeledahan, menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

sebagaimana yang perlu untuk memudahkan pengeledahan, dan menyita dan menahan apa-apa artikel, buku, rekod, akaun atau dokumen yang dijumpai pada orang itu.

- (2) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu berbuat demikian —
 - a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalam premis itu;
 - b) dengan kekerasan masuk ke dalam mana-mana premis dan tiap-tiap bahagiannya;
 - c) dengan kekerasan mengalihkan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan itu yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
 - d) menahan mana-mana orang yang ditemui di mana-mana premis yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga pengeledahan itu selesai.
- (3) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.
- (4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau jumlahnya, pengalihan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita di bawah seksyen ini tidak dapat dilaksanakan, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang menyita hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu.
- (5) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (3) atau mengalihkan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan denda tambahan tidak melebihi dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

SEKSYEN 74

Menggeledah dan menyita tanpa waran

Jika seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 76 penyiasatan akan terjejas teruk atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 76 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

SEKSYEN 78

Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes

- (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.
- (2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.
- (3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.
- (4) Seorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).
- (5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —
 - a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya; dan
 - b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

SEKSYEN 83

Halangan

Mana-mana orang yang –

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis akses ke mana-mana premis yang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu berhak kepadanya di bawah Enakmen ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (b) menyerang, menghalang, menggalang atau mengganggu mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis dalam melaksanakan kewajibannya yang dikenakan atau kuasanya yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (c) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau apa-apa maklumat lain yang semunasabahnya boleh dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam pengetahuan atau dalam kuasanya untuk memberikannya; atau
- (d) dengan disedarinya memberikan maklumat palsu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 2

SEKSYEN 63 ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

- (1) Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapati keterangan di mana-mana premis yang memberikan alasan yang munasabah untuk dia mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah subseksyen 61(1), (3) atau (9), pemegang lesen atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen hendaklah dalam masa tiga hari bekerja dari tarikh dapatan itu memaklumkan Suruhanjaya secara bertulis, dan pemegang lesen itu boleh, dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat puluh lapan jam dari tarikh yang sama mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan bekalan elektrik dipotong dari premis itu.
- (2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Enakmen ini, jika seseorang pegawai polis memohon kepada seseorang pemegang lesen bagi pemotongan bekalan elektrik ke mana-mana premis bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan kalendar di bawah seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289], pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta memotong atau menyebabkan bekalan elektrik dipotong dari premis sedemikian.
- (3) Apabila menerima apa-apa maklumat di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh menentusahkan perkara itu dan dalam hal jika Suruhanjaya mendapati bahawa tiada kesalahan telah dilakukan, bekalan elektrik hendaklah disambung semula dengan serta-merta.
- (4) Jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah subseksyen (1), bekalan elektrik itu tidak boleh disambung semula sehinggalah pemegang lesen menurut budi bicaranya memberikan kebenaran bagi penyambungan semula, dengan syarat bahawa tempoh pemotongan itu tidak melebihi tiga bulan.
- (5) Walau apa pun subseksyen (4), jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah subseksyen (2), bekalan itu tidak boleh disambung semula tanpa keizinan bertulis seseorang pegawai polis.
- (6) Pemegang lesen boleh menghendaki pengguna supaya membayar kepadanya bagi kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 61(1), (3) dan (10) dan apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan secara terus oleh pemegang lesen di bawah seksyen ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula elektrik mengikut cara sebagaimana yang telah diarahkan oleh Suruhanjaya, dengan syarat bahawa dan tertakluk kepada subseksyen (8), jika pemegang lesen tidak meneruskan tuntutan bagi kerugian hasil dan perbelanjaan itu di mahkamah, pemegang lesen hanya boleh menuntut terhadap pengguna bagi kerugian hasil dan perbelanjaan itu bagi tempoh tidak melebihi enam bulan ke belakang dari tarikh kesalahan itu disedari di bawah subseksyen (1).
- (7) Suatu pernyataan bertulis oleh seseorang pekerja pemegang lesen yang diperakui dengan sempurnanya oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen, yang menyatakan —

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

- (a) amaun kerugian hasil atau perbelanjaan yang munasabah dilakukan oleh pemegang lesen;
- (b) cara pengiraan kerugian hasil dan butiran perbelanjaan; dan
- (c) orang yang bertanggung bagi pembayarannya,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (6) dan pernyataan bertulis itu hendaklah diberitahu kepada pengguna dalam masa empat belas hari bekerja atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya selepas pemotongan itu.

- (8) Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis di bawah subseksyen (7) itu hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar, amaun itu hendaklah didapatkan kembali melalui tindakan sivil di mahkamah.

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN PEMEGANG LESEN 2024

PERATURAN 7

Notis pemotongan, pemberhentian atau gangguan bekalan

- (1) Walau apa pun peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, pemegang lesen boleh, dengan memberikan tidak kurang dari dua puluh empat jam notis dalam Borang A dalam Jadual melalui serahan tangan, atau secara elektronik atau dengan meninggalkan notis di premis berdaftar, memotong bekalan dari mana-mana premis menurut subseksyen 63(1) Enakmen.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), pemegang lesen tidak boleh dalam apa jua keadaan, termasuklah untuk penyelenggaraan berkala di bawah subseksyen 29(1) Enakmen melainkan dalam keadaan yang di luar kawalan pemegang lesen, memberhentikan atau mengganggu sementara bekalan tanpa terlebih dahulu memberikan notis dalam Borang B dalam Jadual kepada pengguna sekurang-kurangnya empat puluh lapan jam sebelum pemberhentian atau gangguan sementara berkenaan.
- (3) Notis di bawah subperaturan (2) hendaklah disampaikan —
 - (a) jika pemberhentian atau gangguan sementara bekalan berkenaan menjejaskan hanya satu pengguna, melalui penyampaian sendiri atau meninggalkan notis di premis; dan
 - (b) jika pemberhentian atau gangguan sementara menjejaskan lebih daripada satu pengguna, melalui pengumuman bertulis di tempat yang mudah dilihat, dalam surat khabar atau dalam apa-apa bentuk media elektronik.

PERATURAN 8

Kemasukan semasa penerusan bekalan

- (1) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen boleh pada bila-bila masa yang munasabah, atas pengemukaan apa-apa dokumen yang disahkan dengan sewajarnya yang menunjukkan kuasanya, memasuki mana-mana premis yang padanya bekalan elektrik sedang diberikan oleh pemegang lesen, atau oleh pemegang lesen yang lain (pada keseluruhannya atau sebahagiannya) menerusi talian bekalan elektrik dan kelengkapan elektrik pemegang lesen yang mula-mula disebut itu, bagi apa-apa maksud yang berikut, iaitu —
 - (a) memeriksa mana-mana talian bekalan atau kelengkapan elektik yang dipunyai oleh pemegang lesen;
 - (b) menentukan daftar mana-mana meter elektrik; atau
 - (c) mengalihkan, memeriksa atau memasang semua mana-mana meter elektrik atau memasang apa-apa meter gantian.

**PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG**

- (2) Bagi maksud subperaturan (1), orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen boleh, selepas menyerahkan notis tiga hari bekerja memasuki premis yang tidak berpenghuni, berkunci atau terhalang.

PERATURAN 9

Kemasukan semasa bekalan diberhentikan

- (1) Jika pemegang lesen diberikuasa di bawah Enakmen Bekalan Elektrik 2024 —

- (a) untuk memberhentikan bekalan elektrik pada mana-mana premis; dan
- (b) untuk mengalihkan meter elektrik yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen boleh pada bila-bila masa yang munasabah, atas pengemukaan apa-apa dokumen yang disahkan dengan sewajarnya yang menunjukkan kuasanya, memasuki premis itu bagi maksud memotong bekalan dan mengalihkan meter.

- (2) Jika—

- (a) pemegang lesen diberi kuasa oleh mana-mana peruntukan Enakmen Bekalan Elektrik 2024 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya (termasuk apa-apa peruntukan sebagaimana yang terpakai oleh apa-apa perjanjian yang disebut dalam Seksyen 45 Enakmen) untuk memotong atau memberhentikan bekalan elektrik pada mana-mana premis;
- (b) seseorang yang menduduki mana-mana premis yang dibekalkan dengan elektrik oleh pemegang lesen, atau oleh pemegang lesen yang lain (pada keseluruhannya atau sebahagiannya) menerusi talian bekalan dan kelengkapan elektrik pemegang lesen yang mula-mula disebut, berhenti menghendaki bekalan itu;
- (c) seseorang yang akan menduduki mana-mana premis yang dahulunya dibekalkan dengan elektrik oleh pemegang lesen, atau oleh pemegang lesen yang lain (pada keseluruhannya atau sebahagiannya) menerusi talian bekalan dan kelengkapan elektrik pemegang lesen yang mula-mula disebut, tidak menghendaki bekalan itu; atau
- (d) seseorang yang akan menduduki mana-mana premis yang dahulunya dibekalkan dengan elektrik menerusi meter kepunyaan pemegang lesen, tidak menyewa atau meminjam meter itu,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen, boleh pada bila-bila masa yang munasabah, atas pengemukaan apa-apa dokumen yang disahkan dengan sewajarnya yang menunjukkan kuasanya, memasuki premis itu bagi maksud memotong bekalan atau mengalihkan apa-apa kelengkapan elektrik, talian bekalan atau meter elektrik.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

PERATURAN 10

Kemasukan bagi menggantikan, membaiki atau mengubahpinda talian atau loji

- (1) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen selepas memberi notis tiga hari bekerja kepada penduduk mana-mana premis, atau kepada pemunya mana-mana premis yang tidak diduduki, boleh pada bila-bila masa munasabah, atau pengemukaan apa-apa dokumen yang disahkan dengan sewajarnya yang menunjukkan kuasanya, memasuki premis itu bagi maksud —
 - (a) menempatkan talian bekalan baharu atau kelengkapan elektrik baharu sebagai ganti atau tambahan kepada mana-mana talian atau kelengkapan yang ada yang telah pun ditempatkan dengan sah; atau
 - (b) membaiki atau mengubahpinda mana-mana talian bekalan atau loji elektrik yang ada.
- (2) Dalam hal kecemasan yang berbangkit daripada kerosakan dalam mana-mana talian bekalan atau kelengkapan elektrik, kemasukan boleh dibuat di bawah subperaturan (1) tanpa notis yang dikehendaki diberikan oleh subperaturan yang sama.

PERATURAN 11

Peruntukan tentang kuasa kemasukan

- (1) Jika menurut mana-mana kuasa kemasukan yang diberi oleh Peraturan-Peraturan ini, kemasukan dibuat pada mana-mana premis oleh orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen —
 - (a) orang itu hendaklah memastikan bahawa premis itu ditinggalkan dalam keadaan yang tidak kurang selamatnya daripada sebelum kemasukan itu; dan
 - (b) pemegang lesen hendaklah menggantikan, atau membayar pampasan bagi, apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh orang itu, atau oleh mana-mana orang yang menyertainya apabila memasuki premis itu, semasa mengambil apa-apa tindakan yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini di dalamnya, atau semasa menjadikan premis itu selamat.
- (2) Mana-mana orang yang menjalankan kuasa-kuasa kemasukan yang diberikan oleh Peraturan-Peraturan ini boleh disertai oleh mana-mana orang yang perlu atau suaimanfaat bagi maksud yang baginya kemasukan itu dibuat, atau bagi maksud-maksud subperaturan (1).

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 4

SURAT PEMERIKSAAN METER PEMEGANG LESEN



Ibu Pejabat
Wisma SESB, Jalan Tunku Abdul Rahman,
88673, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
www.sesb.com.my



Tarikh :

Kepada :

Pelanggan SESB Yang Dihormati
Datuk/Datin/Tuan/Puan/Cik,

**SURAT PEMBERITAHUAN PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN PEPASANGAN
METER SESB**

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak SESB sedang menialankan pemeriksaan dan penentuan
kecekapan pemasangan meter SE kepada Datuk/Datin/Tuan/Puan/Cik bagi
penyenggaraan berkesan dan fungsionaliti kecekapan yang baik.
Pihak Datuk/Datin/Tuan/Puan/Cik dikehendaki datang ke pejabat kami untuk pemeriksaan
dan ujian kecekapan.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak SESB di talian 088-282778/
282779/ 282771.

Sekian dan harap maklum, terima kasih.

**“ BERSAMA MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI SABAH ”
SESB MAJU TANPA RASUAH**

Yang Benar,

.....
Nama & Jawatan Eksekutif

Untuk Kegunaan SESB

Pengguna Hadir

Pengguna Tidak Hadir

Disahkan oleh :

.....
Nama Pekerja :

No. Pekerja :

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 5

LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN & PENGUJIAN PEPASANGAN METER


Langkah	Aktiviti	Catatan
1	Pengesahan Data	Bertujuan pengesahan data/maklumat pengguna dan pemasangan meter di tapak adalah sama dengan di e-CIBS/BCRM
2	Pemeriksaan Fizikal	Bertujuan untuk mengesan kejanggalan atau pencerobohan terhadap pemasangan meter.
3	Pengujian	Bertujuan untuk memastikan meter merekodkan bacaan yang sebenar.
4	Pengambilan Bahan Bukti	Mengambil gambar dengan jelas dan melabelkan semua bahan bukti.
5	Tindakan Pembetulan	Kejanggalan diperbetulkan dan pastikan meter merekodkan bacaan sebenar.
6	Tindakan Pencegahan	Sekiranya perlu seperti pengalihan meter dan seumpamanya.
7	Kehadiran Saksi	Sekiranya saksi hadir semasa pemeriksaan, gambar saksi perlu diambil serta saksi perlu menandatangani borang-borang berkaitan.
8	Pemasangan Meter Kemas dan Teratur	Pastikan kawasan sekitar pemasangan meter dalam keadaan yang kemas dan teratur sebelum meninggalkan premis.
9	Laporan Polis	Setiap kes usikan pemasangan meter perlu dibuat laporan Polis dalam tempoh yang munasabah.

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 6(a)

SESB:

BORANG PEMERIKSAAN & PENGUJIAN JANGKA – 3 FASA/1 FASA (PENGGUNA BIASA) – TEST SET



**BORANG PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN PEPASANGAN METER
3 FASA / 1 FASA (PENGGUNA BIASA)**

Tarikh Pemeriksaan Masa Mula Masa Tamat

1. Maklumat Pemasangan

a. Maklumat Pengguna

Nama Pengguna		No. Akaun	
Alamat		Kawasan	
		Tariff	DM <input type="checkbox"/> CM1 <input type="checkbox"/> ID1 <input type="checkbox"/>
		Fasa	1 FASA <input type="checkbox"/> 3 FASA <input type="checkbox"/>
Koordinat GPS		Jenis Premis	

b. Maklumat Meter

	No. Meter	Buatan	Jenis	Saiz Meter	Meter		Bacaan Semasa	Bacaan Export (meter 3 Fasa shj)
					Constant, k	Dial / Register Before After		
kWh								
kVArh (jika ada)								

2. Pemeriksaan Fizikal dan Pemasangan Meter

a. Pemeriksaan Meter

	No. Lama	Keadaan	No. Baru	Meter		Battery	Tindakan / Catatan
				Cover (jika ada)	Terminal		
kWh							TJ - Tidak Jelas D - Diusik B - Baik

b. Pemeriksaan Sil dan Sticker

	No. Lama	Keadaan	No. Baru	Sil				Sticker					
				Fuse R	Fuse Y (3 Fasa shj)	Fuse B (3 Fasa shj)	Neutral Link	Fuse R	Fuse Y (meter 3 Fasa shj)	Fuse B (meter 3 Fasa shj)	Neutral Link		
kWh													

Catatkan Sebarang Pengusikan/Kejanggalkan Sil & Sticker

3. Ujian

a. Ujian Perbandingan Bacaan Arus dan Voltan

Ujian Perbandingan Arus	Bacaan Arus (A)			
	R	Y	B	N
A) Service Line/ Main wire				
B) Sebelum cut-out fuse/ neutral link				
C) Selepas cut-out fuse/ neutral link				
D) Paparan Meter				

1 SABAH ELECTRICITY SDN. BHD.

**PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG**

E) Selepas Meter				
F) Lain-lain :				
Ujian Perbandingan Voltan (meter 3 Fasa stj)	Bacaan Voltan (V)			
	V R-N	V Y-N	V B-N	
A) Bacaan voltan sebenar				
B) Bacaan voltan di paparan meter				

b. Bacaan Voltan di Terminal Meter

c. Bacaan Arus

V _{R-N}	V _{Y-N}	V _{B-N}	Purata V $\frac{V_{RN} + V_{YN} + V_{BN}}{3}$	I _R	I _Y	I _B	Purata I $\frac{I_R + I_Y + I_B}{3}$

d. Ujian Masa Menggunakan *Stop Watch*

Power Factor (p.f.) = _____ *Bilangan pulse, N =* _____

Meter Satu Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{V \times I \times p.f. \times K}$	Ujian 1 t_{m1}	Ujian 2 t_{m2}	Ujian 3 t_{m3}
Meter Tiga Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{3 \times V \times I \times p.f. \times K}$			

e. Pengiraan Ralat Kejituan/Kejanggalan Meter

Ujian 1 $\%E_1 = \frac{t_c - t_{m1}}{t_{m1}} \times 100\%$	Ujian 2 $\%E_2 = \frac{t_c - t_{m2}}{t_{m2}} \times 100\%$	Ujian 3 $\%E_3 = \frac{t_c - t_{m3}}{t_{m3}} \times 100\%$	Purata $\frac{E_1 + E_2 + E_3}{3}$

4. Ujian Selepas Pembetulan
(Bahagian ini perlu diisikan selepas pembetulan dibuat - bagi kes yang tidak memerlukan penukaran)

a. Bacaan Voltan di Terminal Meter

b. Bacaan Arus

V _{R-N}	V _{Y-N}	V _{B-N}	Purata V $\frac{V_{RN} + V_{YN} + V_{BN}}{3}$	I _R	I _Y	I _B	Purata I $\frac{I_R + I_Y + I_B}{3}$

c. Ujian Masa Menggunakan *Stop Watch*

Power Factor (p.f.) = _____ *Bilangan pulse, N =* _____

Meter Satu Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{V \times I \times p.f. \times K}$	Ujian 1 t_{m1}	Ujian 2 t_{m2}	Ujian 3 t_{m3}
Meter Tiga Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{3 \times V \times I \times p.f. \times K}$			

d. Pengiraan Ralat Kejituan/Kejanggalan Meter

Ujian 1 $\%E_1 = \frac{t_c - t_{m1}}{t_{m1}} \times 100\%$	Ujian 2 $\%E_2 = \frac{t_c - t_{m2}}{t_{m2}} \times 100\%$	Ujian 3 $\%E_3 = \frac{t_c - t_{m3}}{t_{m3}} \times 100\%$	Purata $\frac{E_1 + E_2 + E_3}{3}$

**PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG**

5. Maklumat Penukaran Meter
(Bahagian ini perlu diisi jika terdapat penukaran meter serta-merta)

a. Maklumat Meter Baharu

	No. Meter	Buatan	Jenis	Saiz Meter	Meter Constant, k	Dial / Register		Bacaan Semasa
						Before	After	
kWh								
kVArh (jika)								

b. Bacaan Voltan di Terminal Meter

c. Bacaan Arus

V_{RN}	V_{YN}	V_{BN}	Purata V $\frac{V_{RN} + V_{YN} + V_{BN}}{3}$	I_R	I_Y	I_B	Purata I $\frac{I_R + I_Y + I_B}{3}$

d. Bilangan M... (p.f.)

Bilangan pulse, N

Meter Satu Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{V \times I \times p.f. \times K}$		Ujian 1 t_{m1}	Ujian 2 t_{m2}	Ujian 3 t_{m3}
Meter Tiga Fasa $t_c = \frac{3600 \times 1000 \times N}{3 \times V \times I \times p.f. \times K}$				

e. Pengiraan Ralat Kejituan/Kejangalan Meter

Ujian 1 $\%E_1 = \frac{t_c - t_{m1}}{t_{m1}} \times 100\%$	Ujian 2 $\%E_2 = \frac{t_c - t_{m2}}{t_{m2}} \times 100\%$	Ujian 3 $\%E_3 = \frac{t_c - t_{m3}}{t_{m3}} \times 100\%$	Purata $\frac{E_1 + E_2 + E_3}{3}$

f. Sil dan Sticker

	Sil			Sticker		
	Meter Cover	Terminal Cover	Battery Cover (jika ada)	Meter Cover	Terminal Cover	Battery Cover (jika ada)
kWh						

	Sil				Sticker			
	Fuse R	Fuse Y (3 Fasa shj)	Fuse B (3 Fasa shj)	Neutral Link	Fuse R	Fuse Y (meter 3 Fasa shj)	Fuse B (meter 3 Fasa shj)	Neutral Link
kWh								

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

6. Catatan/Tindakan

a. Kejanggalaan

SAMPLE

b. Tindakan Pembetulan Sudah Diambil

* Sila buat lakaran kaedah pengusikan pada bahagian helaian ini jika perlu.


Nama Pengguna/Saksi :	Nama Ketua Pemeriksa :
No. Kad Pengenalan/Pasport :	No. Pekerja :
Tel :	Jawatan :
	Gred :
	Jabatan :
(tandatangan)	(tandatangan)

PANDUAN PROSEDUR TUNTUTAN KERUGIAN HASIL OLEH PEMEGANG LESEN
BAGI KES-KES PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CURANG

LAMPIRAN 6(b)

SESB:

BORANG PEMERIKSAAN & PENGUJIAN JANGKA 3 FASA/1 FASA (PENGGUNA BIASA) – STOP WATCH



**BORANG PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN PEPASANGAN METER
3 FASA / 1 FASA (PENGGUNA BIASA)**

Tarikh Pemeriksaan Masa Mula Masa Tamat

1. Maklumat Pemasangan

a. Maklumat Pengguna

Nama Pengguna		No. Akaun	
Alamat		Kawasan	
		Tariff	DM <input type="checkbox"/> CM1 <input type="checkbox"/> ID1 <input type="checkbox"/>
		Fasa	1 FASA <input type="checkbox"/> 3 FASA <input type="checkbox"/>
Koordinat GPS		Jenis Premis	

b. Maklumat Meter

No. Meter	Buat	Per	er	Dial	Bacaan	Bacaan
						(meter 3)
kWh						
kVArh (jika)						

2. Pemeriksaan Fizikal Pemasangan Meter

a. Sil dan Sticker

		Sil			Sticker			
